



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI MALAYSIA
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051
(KPPV)
Email: kp@dvs.gov.my**



KENYATAAN MEDIA

SEMPENA LAWATAN YB MENTERI KE PROGRAM TENUSU

SYARIKAT ALLIED DAIRY SDN BHD.

5 MAC 2016 (SABTU)

STATUS INDUSTRI TENUSU

1. Susu boleh dikategorikan kepada 2 kategori iaitu :
 - i. Susu cair (liquid milk) seperti susu segar dan susu campuran semula (Recombined milk).
 - ii. Bukan Susu cair (non liquid milk) seperti susu tepung, susu pekat yogurt, keju dan sebagainya.
2. Keperluan susu cair Negara pada tahun 2015 adalah sebanyak 50 juta liter . Dari jumlah ini sebanyak hampir 34 juta liter susu cair adalah dihasilkan dalam Negara dan baki sebanyak 16 juta liter susu cair diimport dari Negara Negara seperti Australia (92%), New Zealand (1%) dan lain-lain Negara (7 %).
3. Kadar saradiri bagi susu adalah sebanyak 12.93 % berdasarkan perangkaan ternakan 2013 / 2014.
4. Nilai eksport bagi susu dan produk Tenusu bagi tahun 20113, adalah sebanyak RM 957.35 juta dan nilai import bagi susu dan produk Tenusu adalah sebanyak RM 3277.2 juta.
5. Bagi meningkatkan pengeluaran susu tempatan dan mengurangkan kebergantungan kepada eksport , maka dibawah NKEA Pertanian, kerajaan telah memperkenalkan Program EPP 13-Kluster.

Program EPP13-Kluster Tenusu

1. Program ini telah bermula sejak tahun 2011. Sehingga kini, sebanyak tiga (3) buah syarikat peneraju (*anchor company*) telah dilantik seperti yang berikut;
 - i. Allied Dairy Sdn Bhd di negeri Johor
 - ii. Evergreen Livestock Sdn Bhd di negeri Sabah
 - iii. ADMC Dairy Farm Sdn Bhd di negeri Kedah
2. Di bawah program EPP 13, penternak-penternak tenusu di bawah Kluster syarikat peneraju akan menerima berbagai bentuk input bantuan seperti lembu tenusu, peralatan pemerahan susu, pemanas air solar, dan tangki susu .
3. Bagi meluaskan skop pelaksanaan EPP 13, terdapat juga penternak di luar kluster syarikat peneraju yang turut mendapat input bantuan seperti lembu tenusu, peralatan pemerahan susu, pemanas air solar, dan tangki susu dengan jumlah kuantum sebanyak RM12.6 juta.
4. Susu yang dihasilkan oleh penternak di bawah kluster EPP13 akan dibeli semula oleh syarikat peneraju dan diproses di kilang pemproses milik peneraju. Dengan ini penternak berkenaan mendapat jaminan belian balik susu oleh syarikat peneraju setiap hari.
5. Terdapat peningkatan yang ketara terhadap harga jualan susu mentah penternak kluster kepada pengilang susu semenjak program EPP13 dilancarkan.
6. Pada masa kini harga jualan susu mentah yang dipasarkan kepada pengilang adalah di antara RM2.50 hingga RM3.20 seliter berbanding RM1.35 hingga RM1.85 berdasarkan kepada harga yang ditetapkan oleh Jabatan sebelum ini.
7. Program EPP13 mampu meningkatkan pendapatan penternak tenusu, seterusnya Malaysia dapat membantu mencapai 100% kadar sara diri untuk susu cair.
8. Pada masa kini, jumlah keperluan susu cair Negara adalah 50 juta liter setahun di mana sebanyak hampir 20 juta liter susu cair diimport dari luar Negara.

9. Selain daripada itu, bagi mencapai pertambahan susu sebanyak 20 juta liter pada tahun 2020 bagi memenuhi keperluan 100% kadar sara diri susu cair, sebanyak 10,000 ekor lembu tenusu betina diperlukan dengan peruntukan sejumlah RM200 juta termasuk kemudahan infrastruktur kandang dan pastura dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada pengimportan susu cair.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Jadual menunjukkan 3 buah syarikat peneraju yang telah dilantik;

Bil	Syarikat Peneraju	Tarikh lantikan	Jumlah Kuantum	Jumlah penternak	Lokasi penternak
1	Allied Dairy Sdn Bhd	16/08/2011	RM 8.59 juta	35	Johor, Negeri Sembilan, Melaka
2	Evergreen Livestock Sdn Bhd	16/08/2011	RM14.4 juta	91	Sabah
3	ADMC Dairy Farm Sdn Bhd	11/12/2014	RM20.3 juta	60	Kedah

2. Menjelang tahun 2020, sasaran GNI dan peluang pekerjaan yang ditetapkan kepada syarikat peneraju adalah seperti berikut;

Bil	Peneraju	Sasaran GNI	Sasaran Peluang Pekerjaan
1	Allied Dairy Sdn Bhd	10.84	101
2	Evergreen Livestock Sdn Bhd	9.54	45

4	ADMC Dairy Farm Sdn Bhd	43.60	194
---	----------------------------	-------	-----